Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 11, e002570
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i11.2570

REVIEW ARTICLE

Tindakan Kerajaan Terhadap Keciciran Pembelajaran Selepas Pandemik di Peringkat Sekolah Rendah dalam Rantau Asia Tenggara

(National Solution for Post Pandemic Learning Loss in Primary Education Level in Southeast Asia Region)

Josephine Ensuna Jouse[1*], Khairul Azhar Jamaludin[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p111289@siswa.ukm.edu.my
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: khairuljamaludin@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Josephine Ensuna Jouse
(p111289@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Tindakan Kerajaan
Keciciran Pembelajaran
Selepas Pandemik
Sekolah Rendah
Rantau Asia Tenggara

KEYWORDS:
National Solution
Learning Loss
Post Pandemic
Primary Education
Southeast Asia Region

CITATION:
Josephine Ensuna Jouse & Khairul Azhar Jamaludin. (2023). Tindakan Kerajaan Terhadap Keciciran Pembelajaran Selepas Pandemik di Peringkat Sekolah Rendah dalam Rantau Asia Tenggara. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(11), e002570. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i11.2570

ABSTRAK

Isu keciciran pembelajaran merupakan isu utama yang perlu diatasi oleh seluruh negara. Kesan dari keciciran pembelajaran yang berterusan boleh menyumbang kepada kelumpuhan pembangunan negara. Oleh itu, satu kajian tinjauan literatur sistematik dijalankan untuk mengenal pasti tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menangani isu keciciran pembelajaran selepas pandemik dalam rantau Asia Tenggara. Kajian ini menggunakan panduan sorotan protokol ROSES (*RepOrting Standard for Systematic Evidence Synntheses*). Pengkaji menggunakan dua pangkalan data sebagai sumber utama iaitu Scopus dan *Web of Science* manakala *ScienceDirect* sebagai sumber sokongan kepada kajian ini. Terdapat lima fasa proses pencarian sistematik (*systematic searching process*) iaitu fasa mengenal pasti (*identification*), fasa penyaringan (*screening*), fasa penentuan kelayakan (*eligibility*), fasa penilaian kualiti dan fasa pengekstrakan data dan analisis. Selepas fasa penilaian kualiti iaitu dengan menggunakan *Mixed-Method Appraisal Tool* (MMAT), sebanyak satu daripada 18 artikel yang dimasukkan dalam kajian. Hasil dapatan kajian dapat dibahagi kepada dua tema iaitu (i) kualiti pendidikan, dan (ii) ketersediaan pentadbir ketersediaan pentadbir dalam menyediakan infrastruktur asas di sekolah. Untuk kajian masa hadapan, pengkaji mencadangkan meluaskan sumber sokongan dan skop jenis penerbitan untuk mendapat carian data yang lebih banyak bagi menjawab topik dan isu kajian ini. Kajian ini mengalami limitasi dalam memperoleh artikel yang berkaitan topik iaitu tindakan kerajaan dalam menangani isu keciciran selepas pandemik di peringkat sekolah rendah dalam rantau Asia Tenggara.

ABSTRACT

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Learning loss is a major issue that needs to be overcome by the entire country. The effects of continuous of learning loss can contribute to the paralysis of the country's development. Therefore, a systematic literature review study was conducted to identify the actions taken by the government to face the issue of learning loss after the pandemic in the Southeast Asian region. This study uses the ROSES (Reporting Standard for Systematic Evidence Syntheses) protocol highlights guide. The researcher used two databases as the main sources, namely Scopus and Web of Science while ScienceDirect as a support source for this study. There are five phases of the systematic searching process, namely identification phase, screening phase, eligibility phase, quality assessment phase and data extraction and analysis phase. After the quality assessment phase, which is by using the Mixed-Method Appraisal Tool (MMAT), as many as one of the 18 articles included in the literature. The results of the study can be divided into two themes, namely (i) the quality of education, and (ii) the availability of administrators in providing basic infrastructure in schools. For future studies, the researcher suggests expanding the source of support and the scope of the type of publication to get more data searches to answer the topics and issues of this study. This study experienced limitations in obtaining articles related to the topic, which is the government's actions in dealing with the learning loss issue after the pandemic at the primary school level in the Southeast Asian region.

Sumbangan/Keaslian: Kajian sistematik literatur ini menyumbang kepada literatur berkaitan tindakan kerajaan dalam menangani keciciran pembelajaran selepas pandemik dari segi pengetahuan, isu dan jurang dalam penyelidikan yang berbentuk naratif, kualitatif dan campuran.

1. Pengenalan

Masalah keciciran pembelajaran bukan isu yang baharu dalam dunia pendidikan. Masalah keciciran pembelajaran merupakan isu yang utama perlu ditangani oleh semua pihak berkepentingan bagi merapatkan jurang pendidikan dalam kalangan murid. Keciciran pembelajaran dapat ditakrif sebagai murid yang bersekolah mengalami kemerosotan pengetahuan dan kemahiran dalam menguasai pembelajaran terutama dalam kemahiran literasi dan numerasi (Nur Adila & Sakini, 2022; Pier et al., 2021). Keciciran pembelajaran berlaku apabila terkesan daripada penutupan persekolahan secara berpanjangan, penutupan sekolah akibat bencana alam atau wabak, konflik atau mana-mana faktor yang menjadi penyebab gangguan kepada peluang pembelajaran.

Pada tahun 2017, Institut Statistik UNESCO (Institut of Statistic UNESCO) melaporkan bahawa seramai 617 juta orang kanak-kanak dan remaja di dunia masih belum mencapai tahap minimum kemahiran dalam membaca dan matematik (UNESCO, 2017). Keadaan ini sangat membimbangkan. Namun peratusan ini tidak susut tahun demi tahun. Pada penghujung tahun 2019, seluruh dunia digemparkan dengan penularan penyakit baharu iaitu COVID-19. Rentetan daripada fenomena ini, kadar kes penularan yang meningkat dan kadar kematian yang tinggi mengesakan Pertubuhan Kesihatan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak ini sebagai pandemik (Melati, 2020). Hal ini mendesak seluruh negara melaksanakan perintah kawalan pergerakan. Hampir seluruh negara melaksanakan penutupan persekolahan sepenuhnya, pembukaan sebahagian dan pembukaan sepenuhnya sepanjang tahun 2020 hingga 2021. Hasil daripada data tempoh penutupan sekolah dari UNESCO (2022), negara Indonesia dan Myanmar mencatat tempoh penutupan persekolahan yang tertinggi dalam rantau Asia Tenggara iaitu selama 539 hari dan 483 hari manakala negara Singapura pula mencatat tempoh penutupan persekolahan yang terendah iaitu hanya selama 112 hari sahaja (UNESCO, 2022).

Ekoran daripada penutupan sekolah, kanak-kanak dan remaja mengalami kehilangan masa pembelajaran seperti yang diperuntukkan dalam sesi persekolahan konvensional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Lebih daripada 635 juta orang kanak-kanak terkesan akibat penutupan persekolahan secara penuh dan sebahagian (UNICEF, 2022). Pembelajaran jarak jauh (*remote learning*) yang dijalankan sepanjang tempoh penutupan persekolahan merupakan satu cabaran yang besar buat guru dan murid-murid. Rata-rata murid berlatar belakang sosioekonomi yang kurang berkemampuan akan mengalami keciciran dalam pembelajaran kerana mereka tidak akan berpeluang untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian, televisyen, radio, e-mail atau mana-mana peluang pembelajaran yang melibatkan penggunaan telekomunikasi.

Isu kemiskinan pembelajaran merupakan perkara utama yang perlu diatasi oleh setiap negara bagi mencapai indikator SDG 4.6.1 iaitu kadar penduduk dalam kumpulan umur tertentu yang mencapai tahap kecekapan tetap dalam kemahiran literasi numerasi berdasarkan jantina. Berdasarkan Ringkasan Kemiskinan Pembelajaran bagi 11 negara Asia Tenggara, hanya sembilan buah data dapat dikutip dan dua buah negara yang tidak terlibat iaitu negara Brunei Darussalam dan Timor-Leste (World Bank, 2022a; World Bank, 2022b; World Bank, 2022c; World Bank, 2022d; World Bank, 2022e; World Bank, 2022f; World Bank, 2022g; World Bank, 2022h; World Bank, 2022i). Kadar peratusan bagi kanak-kanak berusia pada akhir pendidikan rendah dan tidak bersekolah yang masih belum menguasai kemahiran membaca bagi negera Laos ialah 98 peratus, Thailand 23 peratus, Cambodia 90 peratus, Vietnam 18 peratus, Malaysia 42 peratus, Myanmar 89 peratus, Singapura 3 peratus, Indonesia 53 peratus, dan Filipina 91 peratus (World Bank, 2022a; World Bank, 2022b; World Bank, 2022c; World Bank, 2022d; World Bank, 2022e; World Bank, 2022f; World Bank, 2022g; World Bank, 2022h; World Bank, 2022i). Jelaslah bahawa kadar peratusan yang tinggi bagi sesebuah negara menunjukkan kanak-kanak tersebut terkesan dari penutupan sekolah sepanjang tempoh pandemik berlaku. Hal ini menunjukkan titik permulaan krisis pendidikan yang membolehkan sesebuah kerajaan sukar untuk membangun modal insan dan mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG's) (World Bank, 2022j). Oleh itu, kajian sistematik literatur yang dijalankan melalui dua pangkalan data iaitu *Scopus* ,*Web of Science* dan *ScienceDirect* bagi mengenal pasti tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam menangani keciciran pembelajaran selepas pandemik dalam rantau Asia Tenggara di peringkat sekolah rendah. Rasionalnya kajian ini dijalankan bagi mengetahui tindakan atau usaha kerajaan dalam menangani masalah keciciran pembelajaran di negara masing-masing dan usaha ini boleh dijadikan panduan untuk negara lain.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1.1. Objektif

Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti tindakan kerajaan dalam menangani keciciran pembelajaran selepas pandemik di peringkat sekolah rendah dalam rantau Asia Tenggara.

2. Metod Kajian

Dalam bahagian membincangkan lima elemen iaitu : (i) sorotan protokol; (ii) pembinaan persoalan kajian; (iii) strategi pencarian bersistematik; (iv) penilaian kualiti dan; (v) pengekstrakan data dan analisis.

2.1. Tinjauan Protokol - ROSES

Kajian ini menggunakan panduan sorotan protokol ROSES atau lebih dikenali *RepOrting Standard for Systematic Evidence Synntheses* yang direka khusus untuk meninjau bidang pengurusan persekitaran dalam bentuk sorotan literatur bersistematik dan carta alir (Haddaway et al., 2018). Pengkaji memilih untuk menggunakan protokol ROSES supaya dapat meninjau pengetahuan, isu, jurang dan tindakan kerajaan dalam penyelidikan yang berbentuk naratif, kualitatif dan campuran.

2.2. Pembinaan Persoalan Kajian

Dalam membina persoalan kajian yang berstruktur, jelas dan mudah difahami, pengkaji menggunakan kaedah PICo (Lockwood et al., 2015). PICo merupakan akronim kepada Populasi (*Population*), kejadian yang menarik (*Phenomena of Interest*) dan konteks (*Context*). Dalam kajian ini, kumpulan sasaran atau populasi adalah murid sekolah rendah. Manakala fenomena *(Phenomena of Interest)* adalah tindakan kerajaan dalam menangani keciciran pembelajaran selepas pandemik dalam konteks (*Context*) rantau Asia Tenggara. Maka persoalan kajian yang dibina adalah seperti berikut: “Apakah tindakan kerajaan dalam menangani keciciran pembelajaran selepas pandemik di peringkat sekolah rendah dalam rantau Asia Tenggara?”

2.3. Strategi Pencarian Bersistematik

Penggunaan protokol ROSES dapat membantu pengkaji dalam pencarian dan pemilihan maklumat yang tepat dan betul untuk kajian mereka. Setelah persoalan kajian ditetapkan, pengkaji akan menjelaskan proses pencarian sistematik (*systematic searching process*) melalui lima fasa iaitu fasa mengenal pasti (*identification*), fasa penyaringan (*screening*), fasa penentuan kelayakan (*eligibility*), penilaian kualiti dan pengekstrakan data dan analisis. Rajah 1 menunjukkan carta alir bagi sistematik ROSES.


2.3.1. Fasa Mengenalpasti (Identification)

Dalam fasa mengenal pasti, dua sumber pangkalan data dipilih iaitu *Scopus* dan *Web of Science* (WOS) sebagai rujukan utama untuk mendapatkan artikel jurnal yang terindeks. Manakala pangkalan data *ScienceDirect* sebagai sumber sokongan kepada dua pangkalan data tersebut. Semasa proses pencarian, pengkaji menggunakan empat kata kunci utama iaitu keciciran pembelajaran (*learning loss*), tindakan kerajaan (*national solution*), sekolah rendah (*primary education*) dan selepas pandemik (*post pandemic*) bagi mendapat artikel yang berkaitan. Bagi meluaskan pencarian artikel, pengkaji

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menggunakan beberapa kata kunci yang bersesuaian daripada dicadangkan oleh pakar dan kajian lepas.

Rajah 1: Carta Alir sistematik ROSES



Penggunaan kata kunci seperti "*learning gap*", "*education gap*", "*attainment learning*" , "*achievement gap*" dan "*educational attainment*" merujuk kepada keciciran pembelajaran. Bagi mencari kata kunci bersesuaian dengan tindakan kerajaan adalah seperti "*national strategy*", "*government action*", "*national method*" , "*method*", "*action*", "*solution*", "*decision making*" dan "*ministry of education*". Kata kunci yang bersesuaian

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dengan frasa sekolah rendah adalah "*pupil*", "*schoolchild*", "*children*" dan "*child*". Manakala bagi kata kunci selepas pandemik adalah "*coronavirus*", "*post-COVID*", "*pandemic*", "*Covid-19*" dan "*coronavirus disease-2019*". Jadual 1 menunjukkan hasil pencarian melalui *Scopus, Web of Science* dan *ScienceDirect.*

Jadual 1 : Penggunaan Kata Kunci dan Kaedah Pencarian Sistematik

Pangkalan Data	Penggunaan Kata Kunci
Scopus	TITLE-ABS-KEY("learning loss*" OR "learning gap*" OR "education gap" OR "attainment learning" OR "achievement gap" OR "educational attainment" AND "primary education" OR "pupil*" OR "schoolchild*" OR "child*" AND "coronavirus" OR "post-COVID" OR "pandemic" OR "Covid-19" OR "coronavirus disease-2019" OR "post-pandemic")
Web of Science	TS=("learning loss*" OR "learning gap*" OR "education gap" OR "attainment learning" OR "achievement gap" OR "educational attainment" AND "primary education" OR "pupil*" OR "schoolchild*" OR "child*" AND "coronavirus" OR "post-COVID" OR "pandemic" OR "Covid-19" OR "coronavirus disease-2019" OR "post-pandemic" AND "national solution*" OR "national strategy*" OR "government action*" OR "national method*" OR "method*" OR "action*" OR "solution*" OR "decision making" OR "ministry of education")
ScienceDirect	"learning loss" OR "learning gap" OR "education gap" AND "primary education" OR "schoolchild" AND "post-COVID" OR "post-pandemic"

2.3.2. Fasa Penyaringan (Screening)

Sebelum fasa penyaringan, sebanyak 2439 buah artikel dikumpulkan melalui pangkalan data *Scopus* ,*Web of Science* dan *ScienceDirect*. Bagi mendapatkan artikel yang menjawab persoalan kajian, data ini disaring berdasarkan kriteria yang dirangkul dalam kajian ini. Pemilihan kriteria bagi *Scopus, Web of Science* dan *ScienceDirect* dapat dilihat melalui Jadual 2.

Jadual 2 : Pemilihan Kriteria

Kriteria	Dirangkul	Dikecualikan
Tempoh Masa	2020 hingga 2023	< 2020
Bahasa	Bahasa Inggeris	Bukan Bahasa Inggeris
Konteks	Negara-negara Asia Tenggara	Bukan Negara-negara Asia Tenggara
Bidang Subjek	Sains Sosial dan *Education & Educational Research*	Bukan berkaitan dengan Sains Sosial dan *Education & Educational Research*
Jenis Penerbitan	Jurnal Berindeks	Bukan Jurnal Berindeks, Artikel Tinjauan Literatur Sistematik, Buku, Prosiding Persidangan, Laporan Kerajaan

Hal ini perlu dilakukan bagi mengelak data yang tidak diingini menjadi halangan untuk kajian yang sedang dijalankan (Patino & Ferreira, 2018). Dalam proses penyaringan, pengkaji hanya memilih jurnal berindeks sahaja. Data yang mengandungi jurnal yang tidak berindeks, artikel tinjauan literatur sistematik, buku, prosiding persidangan dan laporan kerajaan dikecualikan dalam pemilihan artikel. Artikel yang dipilih hanya dalam lingkungan tempoh pandemik berlaku iaitu dalam lingkungan tahun 2020 hingga 2023

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sahaja. Bidang subjek yang dipilih adalah sains sosial dan *Education & Educational Research*. Artikel dalam bahasa Inggeris dipilih bagi memudahkan suatu kajian itu difahami sebab bahasa Inggeris merupakan bahasa penghubungan antarabangsa. Kemudian, hanya data yang berkaitan dan dikaji dalam negara-negara Asia Tenggara sahaja dipilih.

2.3.3. Fasa Penentuan Kelayakan (Eligibility).

Dalam fasa penentuan kelayakan (*Eligibilty*), pengkaji menyaring semula artikel melalui pangkalan data *Scopus* (n=3), *Web of Science* (n=1888) dan *ScienceDirec*t (n=549) dengan kaedah *handpicking* untuk memilih artikel yang memenuhi kriteria dan menjawab persoalan kajian. Dalam proses penelitian ini, pengkaji menggunakan teknik bacaan luncuran untuk setiap tajuk kajian dan teknik bacaan imbasan di bahagian abstrak. Bagi aritkel yang tidak berkaitan dengan isu keciciran pembelajaran selepas pandemik di peringkat sekolah rendah akan disingkirkan. Setelah disaring dan diteliti hanya sebanyak satu artikel sahaja yang menepati ketetapan kriteria kajian. Rajah 1 menunjukkan carta alir bagi sistematik ROSES.

2.3.4. Fasa Penilaian Kualiti

Untuk menyaring kualiti artikel ini, pengkaji menggunakan *Mixed-Method Appraisal Tool Version 2018* (Hong et. al., 2018). Memandangkan artikel ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, maka penggunaan *Mixed-Method Appraisal Tool* (MMAT) ini adalah amat sesuai. Artikel tersebut perlu memenuhi sekurang-kurangnya tiga daripada lima kriteria dalam senarai semak tersebut. Setelah diteliti artikel tersebut layak untuk proses pengekstrakan data dan analisis. Jadual 3 menunjukkan senarai semak *Mixed-Method Appraisal Tool Version 2018* (Hong et. al., 2018) yang diadaptasi dari Sarah Nur Najwa dan Maslida (2022) manakala Jadual 4 menunjukkan hasil proses penilaian kualiti menggunakan *Mixed-Method Appraisal Tool Version 2018* (Hong et. al., 2018) dan diadaptasi dari Sarah Nur Najwa dan Maslida (2022).

Jadual 3: Senarai Semak

Kategori Reka Bentuk Kajian	**Kriteria Kualiti Metodologi**
Penyaringan Persoalan	A1. Adakah persoalan kajian jelas?
	A2. Adalah data yang dikumpul mampu menjawab persoalan kajian?
Kualitatif	SP1 – Adakah pendekatan kualitatif sesuai untuk menjawab persoalan kajian?
	SP2 – Adakah cara pengumpulan data kualitatif memenuhi untuk menjawab persoalan kajian?
	SP3 – Adakah dapatan kajian berpandukan data secukupnya?
	SP4 – Adakan interpretasi hasil kajian berpandukan kepada data secukupnya?
	SP5 – Adakah wujudnya koheren di antara sumber data kualitatif, pengumpulan, analisis dan interpretasi?
Kuantitatif (deskriptif)	SP1 – Adakah strategi pensampelan relevan untuk menjawab persoalan kajian?
	SP2 – Adakah sampel kajian menggambarkan populasi sasaran?
	SP3 – Adakah pengukuran bersesuaian?
	SP4 – Adakah risiko berat sebelah tiada jawapan rendah?

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kuantitatif (bukan rawak)	SP5 – Adakah analisis statistik sesuai untuk menjawab persoalan kajian? SP1 – Adakah peserta mewakili populasi sasaran? SP2 – Adakah pengukuran sesuai dalam aspek hasil dan intervensi (atau pendedahan)? SP3 – Adakah data dihasilkan lengkap? SP4 – Adakah perancu dikira dalam reka bentuk dan analisis kajian? SP5 – Semasa kajian dijalankan, adakah intervensi dilaksanakan (atau pendedahan berlaku) seperti yang dimahukan?
Reka Bentuk Campuran	SP1 – Adakah terdapat rasional yang mencukupi untuk menggunakan reka bentuk kaedah campuran untuk menangani persoalan kajian? SP2 – Adakah perbezaan komponen kajian diintegrasi untuk menjawab persoalan kajian secara berkesan? SP3 – Adakah output yang diintegrasi dari komponen kualitatif dan kuantitatif diinterpretasi dengan secukupnya? SP4 – Adakah kecapahan dan tidak konsisten di antara hasil kuantitatif dan kualitatif digambarkan secukupnya? SP5 – Adakah komponen kajian yang berbeza mematuhi kualiti?

Sumber: Adaptasi daripada Sarah Nur Najwa dan Maslida (2022)

Jadual 4: Hasil Proses Penilaian Kualiti

Bil.	Artikel	Reka Bentuk	A1	A2	SP 1	SP 2	SP 3	SP 4	SP 5	Jumlah Kriteria Dipenuhi	Penerimaan Artikel
1	Wardana, Rulyansah, Izzuddin dan Nuriyati (2022)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y

Nota: SP = Soalan Penilaian, KL = Kualitatif, KD = Kuantitatif Deskriptif, KBR = Kuantitatif Bukan Rawak, RBC = Reka Bentuk Campuran, TD = Tidak diketahui, Y = Ya, T = Tidak

2.3.5. Fasa Pengekstrakan Data dan Analisis

Pengkaji menggunakan kaedah tematik induktif analisis untuk melihat tema. Setelah melalui pengekstrakan dan analisis data , terdapat dua tema ditemui iaitu (i) kualiti pendidikan dan (ii) ketersediaan pentadbir dalam menyediakan infrastruktur asas di sekolah

3. Dapatan Kajian

Untuk menjawab persoalan kajian iaitu “Apakah tindakan kerajaan dalam menangani keciciran pembelajaran selepas pandemik di peringkat sekolah rendah dalam rantau Asia Tenggara?” , hanya satu sahaja kajian yang membuat kajian selepas pandemik iaitu untuk menganalisis bagaimana pembelajaran media digital dan bukan media digital memudahkan perkembangan Kemahiran Hidup (*Life Skills*)dalam kalangan murid Kelas 5 sekolah rendah selepas pandemik Covid-19. Tindakan kerajaan dan populasi dalam konteks kajian ini merujuk kepada tindakan sekolah rendah swasta melihat kualiti pendidikan dan ketersediaan pentadbir dalam menyediakan infrastruktur asas di sekolah bagi murid Kelas 5. Dalam konteks keciciran pembelajaran merujuk kepada elemen Kemahiran Hidup (*Life Skills*) dalam pembelajaran dan pengajaran. Jadi kajian ini menjawab persoalan kajian yang diingini. Hasil dari dapatan kajian dapat dilihat

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

melalui Jadual 5. Jadual 5 menunjukkan kajian ini dijalankan di negara Indonesia pada tahun 2022 oleh Wardana, Rulyansah, Izzuddin dan Nuriyati (2022). Kajian tersebut berjudul *Integration of Digital and Non-digital Learning Media to Advance Life Skills of Elementary Education Students Post Pandemic Covid-19*.

Jadual 5: Hasil Dapatan Kajian

Bil	Tajuk Kajian	Penulis / Tahun	Negara	Reka Bentuk Kajian	Pensampelan	Tujuan Kajian
1	*Integration of Digital and Non-digital Learning Media to Advance Life Skills of Elementary Education Students Post Pandemic Covid-19*	Wardana, Rulyansa, Izzuddin dan Nuriyati (2022)	Indonesia	Kualitatif	42 orang murid berumur 9 hingga 11 Tahun (5th Grade) , 2 orang guru, seorang guru besar dan seorang penyelia di sekolah rendah swasta di daerah Probolinggo, Jawa Timur, Indonesia	Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis bagaimana penggunaan pembelajaran media digital dan bukan media digital memudahkan perkembangan Kemahiran Hidup dalam kalangan murid Kelas 5 sekolah rendah selepas pandemik Covid-19 dari segi pemilihan pembelajaran media dan penggunaan pembelajaran media dalam aktiviti, dan mengenal pasti perubahan kemahiran kehidupan murid selepas COVID-19.

4. Perbincangan

Berdasarkan topik dan persoalan kajian, pengkaji dapati hanya satu artikel yang menepati kriteria kajian yang bertajuk *Integration of Digital and Non-digital Learning Media to Advance Life Skills of Elementary Education Students Post Pandemic Covid-19* daripada pangkalan data *Scopus* dikaji oleh Wardana, Rulyansah, Izzuddin dan Nuriyati (2022). Setelah melalui pengekstrakan dan analisis data, terdapat dua tema ditemui iaitu i) kualiti pendidikan dan ii) ketersediaan pentadbir dalam menyediakan infrastruktur asas di sekolah untuk menjawab persoalan kajian iaitu “Apakah tindakan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kerajaan dalam menangani keciciran pembelajaran selepas pandemik di peringkat sekolah rendah dalam rantau Asia Tenggara?"

4.1. Kualiti Pendidikan

Dalam kajian Wardana, Rulyansah, Izzuddin dan Nuriyati (2022) menunjukkan Kemahiran Hidup (*Life Skills*) murid Kelas 5 adalah terhad kerana penggunaan media pembelajaran lebih berpusatkan aspek kemahiran akademik atau pengetahuan berbanding aspek-aspek lain yang terkandung dalam Kemahiran Hidup (*Life Skills*). Meskipun guru-guru mengetahui kepentingan Kemahiran Hidup, namun tidak melakukan analisis untuk memasukkan elemen Kemahiran hidup dalam pemilihan media pembelajaran (Wardana, Rulyansah, Izzuddin dan Nuriyati, 2022). Kemahiran Hidup (*Life Skills*) merupakan elemen kemahiran yang merentas dalam Kurikulum 2013 (K-13) di Indonesia. Kemahiran in penting untuk meningkatkan kualiti hidup murid. Kemahiran Hidup merupakan kemahiran yang dilihat dapat membantu murid untuk menghadapi tuntutan akademik atau pendidikan dan kehidupan harian demi kesejahteraan dan kesihatan diri (Kirchhoff & Keller, 2021).

4.2. Ketersediaan Pentadbir Dalam Menyediakan Infrastruktur Asas di Sekolah

Kutipan data kajian Wardana, Rulyansah, Izzuddin dan Nuriyati (2022) menunjukkan bahawa berlakunya ketersediaan guru besar dan penyelia sekolah dalam menyediakan kemudahan digital dan infrastruktur seperti komputer riba, internet, projektor, pembesar suara dan bilik *podcast* untuk kegunaan sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kemudahan digital dan infrastruktur merupakan asas penyampaian kurikulum dan pedagogi. Keadaan ini menunjukkan guru besar dan penyelia sekolah telah menjalankan tanggungjawab mereka untuk melengkapkan kemudahan sekolah demi menghasilkan pendidikan yang berkualiti.

5. Limitasi dan Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini mengalami limitasi untuk memperoleh artikel yang berkaitan topik iaitu tindakan kerajaan dalam menangani isu keciciran selepas pandemik di peringkat sekolah rendah dalam rantau Asia Tenggara. Satu artikel sahaja tidak mencukupi untuk mendapat gambaran tentang perubahan, kelemahan dan kekuatan langkah-langkah intervensi yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani isu keciciran pembelajaran. Data kajian ini juga tidak mencukupi untuk menjawab persoalan kajian di mana pengkaji ingin mengetahui keberkesanan usaha yang diambil oleh pihak kerajaan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, agensi-agensi pendidikan atau pihak berkepentingan dalam menangani isu keciciran pendidikan di negara masing-masing. Kajian-kajian yang dilakukan selepas pandemik yang menyentuh dasar-dasar pendidikan negara, program-program dalam pendidikan atau pentaksiran dalam ruang lingkup Asia Tenggara adalah terhad. Kebanyakan kajian menyentuh isu semasa pandemik atau kesan semasa pandemik di peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi dari aspek pembelajaran atas talian, "*remote learning*", kesihatan sosio-emosi dan isu-isu semasa berkaitan dengan impak Covid-19 di setiap peringkat pendidikan. Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan meluaskan skop jenis penerbitan data kajian bagi menjawab persoalan kajian ini serta menambah carian data dengan menambah sumber sokongan dari pangkalan data seperti Google Scholar, EBSCOhost, ProQuest, ERIC dan mana-mana

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pangkalan berkaitan dengan dunia pendidikan untuk saranan kajian pada masa hadapan.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, hanya satu sahaja kajian menepati kriteria kajian di mana kajian ini menganalisis penggunaan pembelajaran media digital dan pembelajaran bukan media digital untuk mengembangkan Kemahiran Hidup dalam kalangan murid Kelas 5 serta mengenal pasti perubahan perkembangan Kemahiran Hidup dalam kalangan murid Kelas 5 selepas pandemik. Walaupun hanya satu sahaja data kajian bagi kajian sistematik literatur ini, pengkaji menemui dua tema bagi menjawab persoalan kajian iaitu i) kualiti pendidikan dan ii) ketersediaan pentadbir dalam menyediakan infrastruktur asas di sekolah melalui kaedah tematik induktif. Walau bagaimanapun data kajian ini tidak mencukupi untuk menjawab persoalan kajian yang ingin melihat tindakan kerajaan untuk menangani isu keciciran pembelajaran selepas pandemik dalam rantau Asia Tenggara. Oleh itu bagi kajian masa hadapan, pengkaji mencadangkan untuk meluaskan sumber sokongan dan skop jenis penerbitan untuk mendapat carian data yang lebih banyak bagi menjawab topik dan isu kajian ini.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam menyumbang tenaga dan pendapat dalam kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Haddaway, N.R., Macura, B., Whaley, P., Pulin, A.S. (2018). ROSES RepOrting standards for Systematic Evidence Syntheses: pro forma, flow-diagram and descriptive summary of the plan and conduct of environmental systematic reviews and systematic maps. *Environ Evid,* 7(7). https://doi.org/10.1186/s13750-018-0121-7

Hong, Q. N., Pluye, P., Fàbregues, S., Bartlett, G., Boardman F., Cargo M., et. al. (2018). *Mixed Methods Appraisal Tool (MMAT), version 2018*. Registration of Copyright (#1148552), Canadian Intellectual Property Office, Industry Canada.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Tren Indikator Pendidikan Malaysia 2021*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kirchhoff, E., & Keller, R. (2021). Age-Specific Life Skills Education in School: A Systematic Review. *Front. Educ*., 6, 660878. doi: 10.3389/feduc.2021.660878

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Lockwood, C., Munn, Z., & Porritt, K. (2015). Qualitative research synthesis. *International Journal of Evidence-based Healthcare, 13*(3), 179–187. http://dx.doi.org/10.1097/XEB.0000000000000062 .

Melati Mohd Ariff. (2020, Mac 13). COVID-19: Kes Baharu Terus Meningkat, WHO Isytihar Pandemik. . *Bernama*. https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1820925

Nur Adila Abdul Wahab & Sakini Mohd Said. (2022). Tangani segera isu keciciran pembelajaran sebelum parah. *Bernama*. https://bernama.com/bm/b_fokus/news.php?id=2042498

Patino, C. M., & Ferreira, J. C. (2018). Inclusion and exclusion criteria in research studies: definitions and why they matter. *Jornal Brasileiro de Pneumologia, 44*, 84 - 84.

Pier, et al. (2021). PACE-COVID-19 Impacts on Student Learning Policy Analysis for California Education*. Edpolicyinca*. https://edpolicyinca.org/newsroom/covid-19-and-educational-equity-crisis

Sarah Nur Najwa Mohd Nasir & Maslida Yusof. (2022) Penggerak Komunikasi dalam Perbualan dan Teknologi Komunikasi: Satu Sorotan Literatur Bersistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *7*(10), e001837. DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1837

UNESCO. (2017). *More Than One-half of Children and Adolescents Are Not Learning Worldwide; UIS Fact Sheet No. 46.* UNESCO Institute for Statistic*.* https://uis.unesco.org/sites/default/files/documents/fs46-more-than-half-children-not-learning-en-2017.pdf

UNESCO. (2022). *COVID-19 Global Education Coalition Education : From disruption to Recovery*. UNESCO. https://webarchive.unesco.org/web/20220625033521/https://en.unesco.org/covid19/educationresponse

UNICEF (2022). *COVID:19 Scale of education loss "nearly insurmountable", warns UNICEF [Press release]*. UNICEF. https://www.unicef.org/eap/press-releases/covid19-scale-education-loss-nearly-insurmountable-warns-unicef

Wardana LA, Rulyansah A, Izzuddin A, Nuriyati R (2022). Integration of Digital and Non-digital Learning Media to Advance Life Skills of Elementary Education Students Post Pandemic Covid-19. *Pegem Journal of Education and Instruction*, *13*(1), 2022, 211-222. https://doi.org/10.47750/pegegog.13.01.23

World Bank. (2022a). Lao PDR Learning Poverty Brief. *World Bank*. https://documents1.worldbank.org/curated/en/099825007152227506/pdf/IDU0f4ec27450b845040ca094d106c5e9ad4ecf1.pdf.

World Bank. (2022b). Thailand Learning Poverty Brief. *World Bank*. https://documents1.worldbank.org/curated/en/099005307152239523/pdf/IDU061e19e9b0d5e404b1109cd304558ce0c557a.pdf.

World Bank. (2022c). Cambodia Learning Poverty Brief. *World Bank*. https://documents1.worldbank.org/curated/en/099830307152232079/pdf/IDU0f634ed270ec4b0478a09b2b0b44abceea050.pdf.

World Bank. (2022d). Malaysia Learning Poverty Brief. *World Bank*. https://documents1.worldbank.org/curated/en/099954307152230839/pdf/IDU0773e3a6a0a806046f8098990463dd3b40dcc.pdf.

World Bank. (2022e). Myanmar Learning Poverty Brief. *World Bank*. https://documents1.worldbank.org/curated/en/099840407152238911/pdf/IDU04efa621a087d3046db0954b0e5f3d505ed72.pdf.

World Bank. (2022f). Singapore Learning Poverty Brief. *World Bank*. https://documents1.worldbank.org/curated/en/099022007152231797/pdf/IDU05f7cea7f0eef304fba09bbd0d922289554f7.pdf.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

World Bank. (2022g). Indonesia Learning Poverty Brief. *World Bank*. https://documents1.worldbank.org/curated/en/099726007152293579/pdf/IDU01762dd0f02fb40427b0b71309de4d19ebbfa.pdf.

World Bank. (2022h). Philippines Learning Poverty Brief. *World Bank*. https://documents1.worldbank.org/curated/en/099000207152223103/pdf/IDU002b5536c0db4104ec3087d809906ec2eae56.pdf.

World Bank. (2022i). Vietnam Learning Poverty Brief. *World Bank*. https://documents1.worldbank.org/curated/en/099017207152211608/pdf/IDU042cf1562001b20471708cf008277da618cc9.pdf.

World Bank. (2022j). *The State of Global Learning Poverty : 2022 Update (Conference Edition)*. https://thedocs.worldbank.org/en/doc/e52f55322528903b27f1b7e61238e416-0200022022/original/Learning-poverty-report-2022-06-21-final-V7-0-conferenceEdition.pdf?trk=public_post_comment-text

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).